

# Implikasi Pengurusan Strategik Terhadap Pembangunan Profesionalisme Pensyarah

## *Implication in Strategic Management Towards Lecturers' Professional Development*

Afiqah Hazirah Musa<sup>1</sup>, Wan Hanim Nadrah Wan Muda<sup>2\*</sup>

<sup>1,2</sup> Faculty of Technical & Vocational Education  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Johor

\*Corresponding Author: wanhanim@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jttr.2024.02.01.004>

---

### Maklumat Artikel

Diserah: 11 April 2024

Diterima: 29 Jun 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

### Abstrak

Artikel ini membincangkan secara terperinci implikasi pengurusan strategik terhadap pembangunan profesionalisme dalam pensyarah di institusi teknikal dan vokasional (TVET). Apabila landeskop pendidikan mulai berkembang, pengurusan strategik merupakan sebagai satu dasar faktor yang kritikal dalam membentuk kualiti pengajaran serta keberkesanan dalam satu persekitaran TVET. Kajian ini mengkaji hubungan di antara amalan pegurusan strategik dan pembudayaan profesionalisme dalam kalangan pensyarah. Kajian ini menyelidik dimensi utama iaitu pengurusan strategik termasuk dari aspek strategi kepimpinan, penggunaan teknologi serta reka bentuk kurikulum. Melalui kajian yang komprehensif semakan adalah bertujuan bagi mengenal pasti sebarang amalan baik, jurang dan corak dalam kajian yang sedia ada. Hasil kajian literatur sistematis dengan 23 buah artikel yang digunakan melalui platform secara atas talian Google Scholar mendapati dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengurusan strategik ini bukan sahaja dapat mempengaruhi aspek pentadbiran dan pengajaran dalam institusi TVET namun memberi impak yang jelas dan ketara kepada pertumbuhan professional pensyarah. Kajian ini semula ini menunjukkan kejayaan pelaksaaan inisiatif yang telah membawa kepada peningkatan inovasi dalam pedagogi, kecekapan pengajaran dan meningkatkan penglibatan pensyarah TVET. Sebaliknya, halangan serta cabaran dalam menerapkan pengurusan strategik yang berkesan bagi pembangunan professionalism pensyarah turut diteroka. Selain itu, mampu menyumbang kepada pemahaman teori bagi subjek tetapi juga ia juga memberi pandangan yang praktikal bagi pembuat dasar, pentadbir institusi dan pensyarah. Hasil daripada sorotan literatur ini menunjukkan penekanan kepada kepentingan pengurusan strategik dalam memupuk suatu persekitaran yang kondusif untuk profesionalisme pensyarah di institusi TVET. Melalui hasil penyatuan pengetahuan daripada bahan yang ditemui ini berfungsi sebagai salah satu sumber yang berharga yang merupakan salah

satu usaha penyelidikan yang berguna untuk masa akan datang serta memberi makluman bahawa proses membuat keputusan strategik adalah bertujuan bagi memajukan lagi kualiti pendidikan institusi TVET.

### **Keywords**

*Strategic management, leadership, profesionalisme, lecturer, TVET*

### **Abstract**

*This journal article examines in detail the implications of strategic management on the development of professionalism in lecturer at technical and vocational institutions (TVET). The relationship between strategic management and TVET educator's professional development. In TVET environment, strategic management plays a crucial role in determining the quality and effectiveness of teaching as the educational landscape emerges. This study looks at the relationship between lecturers' professional cultures and strategic management approaches. The primary focus on of this course is strategic management, which includes technology utilization, curriculum design and leadership strategy. Through a comprehensive study, the review aims to find best practices, gaps and patterns in previous research through an extensive analysis. The results for findings of a systematic literature study utilizing 23 articles and journal publication the internet resources from Google Scholar and other online data-based resource revealed that finding of the study show that this strategic management can not only influence the administrative and teaching aspects in the TVET institutions but also has clear and significant impact to professional growth of lecturers. This study shows the successful implementation of initiative that have led and improved teaching effectiveness, pedagogical creativity and the TVET lecturers' level of involvement. However, difficulties and barriers in implementing strategic management in an effective manner for advancement of lecturer professionalism are also explored. Furthermore, it can enhance the theoretical comprehension of the topic while offering policy makers, educators and institutional managers useful perspective. The conclusion that results from this systematic research highlight how crucial strategic management is to creating an environment that conducive to the professionalism of lecturers in TVET institutions. This serves as one of the important resources from the research effort also the result of combining the knowledge from the material found serve to inform that the strategic in decision-making process is intended to advance the quality of education in TVET institutions. It also helps to prepare for the future.*

## **1. Pengenalan**

Institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) merupakan organisasi atau institusi yang memberi tumpuan bagi penyediaan latihan teknikal dan vokasional yang khusus kepada pelajarnya yang bertujuan menyediakan pelajar untuk industri bidang tertentu dan selain itu, berperanan menawarkan pengalaman pembelajaran praktikal melalui pekerjaan. (UNESCO,2021). Menurut Varma dan Malik (2023) institusi TVET bekerjasama rapat dengan rakan kongsi institusi bagi memastikan program mereka adalah dalam keadaan terkini dan relevan, kecekapan dan menangani kemahiran yang memerlukan yang diperlukan oleh majikan mereka.

Tidak dapat dinafikan dalam sesebuah institusi. Menurut UNESCO pada tahun 2023 dimana TVET dianggap sebagai sebahagian nilai tambah dalam Pendidikan yang umum dengan menyediakan maklumat yang berkaitan pekerjaan dalam sektor sosial dan ekonomi yang berbeza. Menurut Noordan Razak dan Mohamad (2018) yang menegaskan bahawa penambahbaikan dalam tanggungjawab serta profesionalisme seorang pensyarah adalah penting bagi membantu pensyarah menangani isu serta cabaran dalam meningkatkan kualiti pensyarah bagi mencapai tahap pencapaian yang tinggi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengurusan strategik institusi TVET melibatkan penggubalan, pelaksanaan, penilian dan penyepaduan aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan misi, visi dan objektif institusi TVET. Institusi TVET boleh meningkatkan kualiti, kerelevan dan memberi impak kepada pelajar dan juga masyarakat setempat melalui

penggubalan dasar yang berkesan dan perancangan strategik (Mahmud Hasan, 2023). Bagi memastikan kelancaran operasi pengurusan institusi TVET memerlukan startegi pelaksanaan serta amalan bagi memastikan operasi institusi tersebut dapat berjalan dengan lancar termasuk juga dalam pembangunan kurikulum bagi menjamin kualiti institusi TVET tersebut. Institusi TVET telah menghadapi cabaran dalam melaksanakan dasar termasuk kekurangan dari segi peralatan, tenaga pengajar yang mahir bagi membolehkan halangan pecutan dalam mencapai matlamat Pendidikan (UNESCO, 2023). Menurut Hasan (2023) melalui Perancangan strategik serta penggubalan dasar di mana pengurusan dalam institusi TVET meningkatkan kecekapan serta keberkesanannya dalam institusi. Institusi TVET yang cemerlang berkemungkinan mampu menghasilkan pembelajaran terbaik kerana institusi tersebut menjaga serta memelihara guru yang cekap. Hal ini bagi menyampaikan program yang relevan, membina hubungan formal dengan perindustrian memperkenalkan kepimpinan yang berkesan yang mampu meningkatkan prestasi sekolah (Joo, 2018).

Pendidikan strategik dalam pengurusan yang sesuai perubahan dalam pentadbiran sekolah bagi meningkatkan pendidikan asas di sekolah. Proses ini mengambil masa yang panjang dengan mengamalkan teras yang dilaksanakan oleh pihak yang berkepentingan dalam pendidikan termasuk guru, pentadbir sekolah, ibubapa dan pelajar. Banyak kajian yang menunjukkan perkaitan diantara ciri kepimpinan serta berdasarkan falsafah pentadbiran sekolah serta dalam pengurusan taktikal (Cabreros, 2023). Menurut Wu et al., (2020) kecekapan guru boleh dinilai melalui kemahiran pengurusan bengkel atau bilik darjah, kemahiran mengajar, penglibatan sebagai rujukan pelajar dan dalam kaunseling, menjaga hubungan baik dengan pentadbiran serta kekeluargaan pelajar, serta ciri profesionalisme.

Kekuatan dalam sesebuah institusi TVET adalah terletak pada bagaimana kakitangan pengurusan dalam institusi tersebut. Selain itu, bagaimana pengajaran pensyarah berlangsung dan berkelayakan dimana bertanggungjawab bagi melaksanakan aktiviti latihan bagi memastikan kualiti TVET tersebut. Menurut Cabreros (2023) pentadbiran sekolah tidak mempunyai atau mempunyai sedikit kepakaran dalam mengurus krisis dan tidak menangani apa-apa yang serupa dengan apa yang sedang berlaku sekarang.

## 2.0 METODOLOGI

Kajian ini penyelidik menggunakan kaedah kajian literatur sistematis. Pelaksanaan kajian serta penulisan kajian ini hanya menggunakan jurnal, artikel, *proceeding* dan tesis sahaja yang telah diterbitkan dan dimuat naik dalam pangkalan data *Google Scholar* dalam masa 8 tahun terdekat iaitu bermula pada tahun 2017 sehingga tahun 2023 yang digunakan sebagai rujukan penyelidik. Pencarian dan penapisan data data yang berkaitan telah menggabungkan satu kata kunci iaitu "Implikasi Pengurusan Strategik Terhadap Pembangunan Profesionalisme Pensyarah TVET" sebagai kriteria pencarian. Terdapat 32 buah artikel yang memenuhi keperluan berdasarkan tajuk, namun hanya 23 buah artikel sahaja yang memenuhi keperluan penyelidik berdasarkan tajuk artikel ini yang diambil kira dalam pelaporan kajian literatur. Kerangka kerja kajian literatur ini memberi keutamaan fokus kepada model pelaksanaan transformasi kepimpinan pendidikan dalam pengurusan institusi TVET.

## 3.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat 23 artikel penyelidik yang telah dikaji bagi mengenalpasti serta boleh digunakan untuk mengkaji tentang "Implikasi Pengurusan Strategik Terhadap Pembangunan Profesionalisme Pensyarah TVET". Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi, terdapat terdapat pelbagai implikasi daripada pengurusan strategik terhadap pembangunan profesionalisme pensyarah TVET. Bagi memudahkan kerja menganalisis Implikasi Pengurusan Strategik Terhadap Pembangunan Profesionalisme Pensyarah TVET telah dirumuskan secara ringkas di dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Analisis implikasi pengurusan strategik terhadap pembangunan profesionalisme pensyarah TVET

Bil.	Penulis	Implikasi
1.	Francisco dan Nuqui (2020)	<ul style="list-style-type: none"> <li>I. Kepimpinan normal baharu dimana fleksibel sambil mengekalkan serta mengukuhkan rasa komitment terhadap tanggungjawab.</li> <li>II. Melibatkan membuat keputusan yang bijak dan selaras dengan arahan.</li> <li>III. Pemimpin yang berwibawa dalam perancangan, serta sebagai pemula dan berjaga-jaga.</li> </ul>

2.	Majumdar & Araiztegui (2020)	I.	pengetua bentuk secara pecutan, model sokongan bukan pemulihan bagi guru. II. keazaman pengetua sekolah bagi meningkatkan sokongan dan kemahiran pembangunan profesional guru dimana menggunakan pelbagai teknik bagi mempercepatkan sokongan terhadap guru.
3.	Cabreros (2023)	I.	pengetua sekolah bagi program TVET memainkan peranan penting bagi dalam pengurusan strategik dalam institusi Pendidikan. II. Pengetua sekolah menggunakan pelbagai pendekatan dalam amaran, melaksana serta menilai strategi bagi mengurus TVET sewaktu pandemik Covid-19.
4.	Inchwanto et al., (2020)	I.	Menyokong pembangunan dan meningkatkan profesionalisme guru di Jawa Timur. II. Memberi kesan kepada peningkatan disiplin guru sebagai bidang yang memerlukan perhatian dan peningkatan, kestabilan kurikulum bagi penerapan pengurusan strategik yang berkesan, mempertingkatkan lagi hubungan dengan industry bagi menerus menyokong profesionalisme guru TVET.
5.	Gamble & Hewleet (2022)	I.	Guru menghadapi cabaran dalam pelaksanaan sepenuhnya peranan mereka sebagai pendidik disebabkan kekangan dalam sistem pendidikan ia bercanggah dengan budaya organisasi sebenar guru bekerja. II. Guru juga tidak sedar sepenuhnya bahawa guru boleh memajukan kerjaya dengan menerima nilai budaya organisasi
6.	Makole et al., (2023)	I.	Proses penggabungan di kolej TVET awam di negara Afrika Selatan tidak mampu mencapai matlamat mereka II. Menghadapi isu-isu seperti kurang kepercayaan dalam kalangan kakitangan sendiri, budaya organisasi yang negatif, nilai kerjasama yang masih lemah antara pengurus. III. Menjejaskan tadbir urus serta keberkesan pengurusan.
7.	Sulaiman etal., (2019)	I.	Guru TVET memerlukan kecekapan pengurusan merupakan penilaian seseorang terhadap kecekapan yang boleh ditunjukkan melalui cara guru tersebut menangani masalah dan membolehkan ia diperbaiki melalui pengalaman.
8.	Junita (2019)	I.	Implikasi kepentingan pembangunan profesional yang berterusan bagi meningkatkan kemahiran mengajar serta selaras dengan professional kebangsaan. II. Guru juga perlu menangani isu dimana bukan sahaja berkaitan dengan pelajar serta peralatan tetapi juga cabaran yang ada dalam mengendalikan masyarakat berdasarkan isu nilai global dan pengetahuan.
9.	Subban et al., (2020)	I.	Gagal dalam melaksanakan fungsi pengurusan risiko yang kukuh boleh membawa kepada hasil yang negatif seperti kadar kelulusan pelajar yang lemah, berlaku penyelewengan pentadbiran serta ketidakupayaan bagi mencapai matlamat kolej yang strategik.
10.	Ndzoyiya (2019)	I.	Memberi implikasi bagi meningkatkan lagi keberkesan perancangan strategik dengan menambah baik komunikasi serta penglibatan pihak berkepentingan dengan memanfaatkan teknologi untuk pengurusan proses yang cekap.

11.	Motaung (2020)	I.	Tumpuan kepimpinan diberikan bagi mewujudkan pengajaran yang berkualiti bertujuan bagi pembangunan dalam persekitaran yang lebih baik dan membawa kepada pembelajaran dan pembangunan guru.
		II.	cabaran kekurangan dana bagi pembangunan professional, kekurangan fasilitator serta kurikulum yang tidak selari dengan kemajuan industri pekerjaan.
12.	Khoabane & Plessis (2023)	I.	Kementerian Pendidikan dan Latihan dan institusi TVET di Lesotho terpaksa menghadapi cabaran kerjasama di antara pihak berkepentingan.
		II.	Kegagalan pembentukan infrastruktur TVET beri kesan kepada Latihan dan pembangunan menyebabkan menghalang mendapat kemahiran yang diperlukan peningkatan kepimpinan dalam tadbir urus korporat dalam institusi TVET
13.	Rohman etal., (2023)	I.	Implikasi adalah dimana Penekanan pada perancangan strategik, sokongan kewangan dan Latihan secara berterusan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada kecemerlangan akademik dan beri impak kepada masyarakat.
14.	Keshmiri, F., Jambarsang, S., & Mehrparvar (2023)	I.	Memberi kesan terhadap pembelajaran pelajar serta budaya dalam organisasi kerja.
		II.	Cabar yang dikenal pasti dimana pematuhan yang lebih rendah kepada nilai profesional dalam komitmen.
15.	Karemu & George (2017)	I.	Memberi impak positif yang mempengaruhi prestasi institusi TVET awam yang melaksanaan strategi.
		II.	Impak negatif dimana kekurangan pelaksanaan strategi yang memberi kesan buruk kepada prestasi institusi yang menekankan kepentingan melaksanakan pelan strategik kepada inisiatif boleh diambil Tindakan.
		III.	Berlaku kekurangan motivasi dalam pengurusan TVET di Kiambu membawa keciciran pelajar dimana mendapat aduan daripada guru dan pelajar dan dianggap kekurangan Latihan berkualiti.
16.	Li (2019)	I.	Kepimpinan memainkan peranan penting dalam laksanakan sistem pengurusan diantara guru dan pelajar bagi menangani kelemahan yang sedia ada serta mengoptimumkan segala proses pengurusan.
17.	Van Der Bijl & Oosthuizen (2019)	I.	Berlaku kekurangan ketara dalam kalangan pensyarah kolej TVET. Menekankan keperluan menangani kekurangan memastikan pensyarah kolej TVET lengkap dan baik bagi menyediakan latihan serta pendidikan berkesan untuk pelajar
18.	Abdullah etal., (2019)	I.	Memberi kesan kepada kemahiran Insaniah dimana bagi meningkatkan daya saing mereka. Pembangunan professional telah beri input kepada bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) di Kementerian Pendidikan.
19.	Gore et al., (2017)	I.	Mempengaruhi bukan sahaja guru namun individu tetapi beri kesan positif kepada pelajar. Memainkan peranan penting dalam memupuk kerjasama, memecahkan halangan dan menyumbang kepada budaya pembelajaran berterusan dalam kalangan guru.
20.	Inchwanto etal., (2020)	I.	Implikasi ialah mengekalkan hubungan industri kukuh dengan mempamerkan kecekapan pedagogi yang sangat baik. Menandakan penerapan pengurusan strategik menyokong pembangunan serta peningkatan profesionalisme guru vokasional.

21.	Diah et al., (2021)	<p>I. Implikasi berlaku konflik di dalam organisasi kerana perbezaan kecenderungan, minat dan pandangan antara individu tersebut dengan keperibadian diri yang unik.</p> <p>II. dapat membantu pihak pengurusan dengan merangka strategi yang lebih efektif bagi meningkatkan lagi keharmonian dan kerjasama dalam organisasi Pendidikan TVET.</p> <p>III. Perpecahan dalam organisasi yang berlaku disebabkan konflikialah merosakkan proses aktiviti organisasi dan kurang semangat kerjasama.</p> <p>IV. memerlukan suatu strategi pengurusan yang bijak dan mampu berikesan bagi menghasilkan perubahan positif. Kesedaran tentang konflik adalah satu indikator yang positif mampu meningkatkan kreativiti serta kepuasan kerja.</p>
22.	Ahmad et al., (2021)	<p>I. Pengaruh KV adalah faktor kunci dalam memastikan kejayaan institusi dan menghadapi cabaran dan krisis.</p> <p>II. pemimpin strategik perlu memastikan falsafah organisasi pembelajaran dan memanfaatkan lagi sumber daya dengan efektif demi perkembangan institusi.</p> <p>III. kepimpinan strategik dan organisasi pembelajaran berlaku cabaran dalam mengembangkan organisasi pembelajaran TVET dalam memastikan perkembangan profesional pensyarah terutamanya dalam krisis covid-19.</p> <p>IV. Covid-19 mengubah lanskap pembelajaran dimana pengaruh KV mencipta persekitaran kerja memudahkan tugas pensyarah.</p>
23.	Irnawati et al., (2023)	<p>I. implikasi dimana keseluruhan mencerminkan komitmen bagi meningkatkan produktiviti pensyarah.</p> <p>II. Implikasi melalui rangka kerja pengurusan strategik dapat dilaksanakan dengan berkesan mampu menyumbang kepada persekitaran akademik yang lebih baik dan produktif selain memberi manfaat kepada pensyarah serta institusi secara keseluruhan</p>

Jelas melalui hasil kajian mendapati pelbagai implikasi atau kesan hasil daripada pengurusan Strategik yang mampu mempengaruhi Pembangunan Profesionalisme Pensyarah TVET. Menurut kajian Gamble & Hewleet (2022) di mana kajian mengenai meneroka konsep profesionalisme di kolej TVET awam di Afrika Selatan mendapati bahawa walaupun terdapat keyakinan dasar terhadap profesionalisme pendidik TVET, namun profesionalisme diperlukan mahupun dituntut tidak dianggap sama dengan profesionalisme yang digubal. Selain itu kajian daripada Gamble & Hewleet (2022) mendapati bahawa konsep profesionalisme di Kolej TVETawam adalah dipengaruhi oleh interaksi daripada pelbagai faktor. Kajian Abdullah et al., 2019 telah mengenal pasti dimana tahap kecekapan pensyarah TVET serta menekankan kepentingan meningkatkan profesionalisme pensyarah dengan pembangunan professional yang berterusan. Kajian lain oleh Amran dan rakan-rakan pada tahun 2020 yang menekankan peranan penting pembangunan kerjaya dalam memupuk profesionalisme dimana institusi TVET perlumempunya rangka kerja strategik untuk pensyarah TVET. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi motivasi pensyarah, pembangunan professional serta komitmen mereka dalam melaksanakan kerja secara keseluruhan. Kajian lain dari ManYau (2015) yang mengetengahkan kesan langsung strategi pembangunan kemahiran yang jelas mengenai profesionalisme. Institusi yang mempunyai strategi yang jelas akan menunjukkan peningkatan yang boleh diukur dalam penglibatan penyelidikan, kemahiran teknikal pensyarah dan pendekatan pedagogi.

Kajian mengenai hubungan antara peruntukan sumber strategik sebahagian daripada pengurusan strategik dan professional pensyarah TVET yang memberi kesan peruntukan sumber bagi program pembangunan professional, pengintegrasian teknologi dan peluangpenyelidikan yang mampu beri kesan yang ketara dalam meningkatkan lagi kemahiran pensyarah dalam aspek pedagogi. Pengaruh kepimpinan strategik juga berkait rapat dengan pengurusan strategik yang mempengaruhi profesionalisme pensyarah. Kepimpinan yang beri tumpuan kepada perkongsian pengetahuan mewujudkan persekitaran yang mendukung pembangunan professional serta kemajuan kerjaya dalam kalangan pensyarah. Selain itu , aspek utama dalam pengurusan

strategik yang mempengaruhi profesionalisme pensyarah dengan memastikan peluang pembangunan professional yang disasarkan serta terdapat peningkatan dalam professional pensyarah TVET. Strategi yang digunakan dalam pembangunan professional guru adalah untuk menggalakkan hubungan antara pengajaran Vokasional dan industri bagi meningkatkan pengajaran guru dan praktikal kemahiran vokasional (Han et al.,2023).

## **Penutup**

Hasil dapatan kajian daripada 23 buah artikel dan journal yang telah dianalisis ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang menarik antara amalan pengurusan strategik dalam amalan pengurusan strategik dalam organisasi atau institusi Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan profesionalisme dalam kalangan pensyarah TVET itu sendiri. Kebanyakkan kajian dari pengkaji lain menganjurkan kesan yang positif sebagai inisiatif dalam pengurusan strategik ke atas pelbagai aspek profesionalisme pensyarah. Pengurusan strategik mampu memupuk kurikulum yang selari dengan keperluan industri terkini dimana menyediakan pensyarah TVET dengan pendedahankandungan pengajaran yang relevan serta sering dikemas kini dari masa ke semasa. Selain itu, pensyarah perlu mengamalkan budaya penyelidikan serta inovasi yang kerap yang juga digalakkandalam pengurusan strategik. Hal ini bagi memperkasakan pensyarah bagi sentiasa berpengetahuan, berilmu dan berkemahiran mengikut perkembangan dan akhirnya meningkatkan lagi profesionalisme mereka. Harapan melihat perkembangan pengurusan yang strategik ini semakin berkembang dengan harapan dengan memberi penekanan yang berterusan pada mekanisme. Hal ini bagi menjamin kualiti pendekatan berpusatkan pelajar dan pembangunan kepimpinan. Selain itu memandangkan dunia terdedah dengan kepesatan pembangunan teknologi, penyepaduan teknologike dalam pengurusan strategik menjanjikan bagi peningkatan lagi celik teknologi dalam kalangan pensyarah daan kempimpinan organisasi TVET bagi memastikan mereka cekap dalam landskap Pendidikan yang sentiasa berubah dan berkembang. Pengurusan strategik yang berfungsi sebagai pemangkin bagi pembangunannya. Hasil penemuan ini adalah menekankan keperluan institusi TVET melabur dalam pelan strategik yang lebih komprehensif dengan merangkumi aspek pembangunan professional, pembangunan kurikulum, serta penglibatan daripada pihak industri. Pengurusan strategik juga memupuk pendekatan holistik dimana profesionalisme pensyarah dapat dipupuk dengan mananam komitmen bagi penambahbaikan secara berterusan serta kualiti kepimpinan. Kajian telah menganjurkan dimana pendekatan strategik serta pemikiran fokus kepada pemikiran ke hadapan merupakan kunci bagi memperkasakan pensyarah dan kepimpinan TVET bagi menhadapi cabaran persekitaran Pendidikan yang dinamik. Selain itu, mempuuk kadar professional yang mampu menyampaikan pendidikan yang berkualiti dan seiring dengan permintaan industri.

## **Penghargaan**

Terima kasih kepada semua pihak yang membantu menyiapkan kajian ini.

## **Konflik Kepentingan**

Penulis mengesahkan bahawa penghasilan kajian ini tidak mengandungi sebarang kepentingan peribadi.

## **Kenyataan Sumbangan Penulis**

*The authors confirm contribution to the paper as follows: **study conception and design:** Afiqah Hazirah Musa, Wan Hanim Nadrah Wan Muda; **data collection:** Afiqah Hazirah Musa; **analysis and interpretation of results:** Afiqah Hazirah Musa, Wan Hanim Nadrah Wan Muda; **draft manuscript preparation:** Afiqah Hazirah Musa, Wan Hanim Nadrah Wan Muda. All authors reviewed the results and approved the final version of the manuscript.*

## **Rujukan**

- Abdullah, Z., Hoque, K. E., Ramlan, N. H., & Shafee, S. (2019). Designing the Structural Modelof TVET Lecturers' Professionalism and Generic Skills Based on an Empirical Study in Malaysia. *SAGE Open*, 9(3). <https://doi.org/10.1177/2158244019861456>
- Ahmad, A. S. W., Yunus, J. @ N., & Hashim, Z. (2022). Pengaruh kepimpinan Strategik terhadap pembangunan Organisasi pembelajaran Di Kolej Vokasional. *Proceeding International Conference On Educational Leadership and Management*, 103–111.
- Amran, A. C., Ananta, G. P., Hanafiah, M. A. B. M., Ali, A., & Mohd, C. K. N. C. K. (2020). Development of the Malaysian skills certification for lecturers in tertiary TVET institutions. *Journal of Technical Education and Training*, 12(1 Special Issue), 125–133. <https://doi.org/10.30880/jtet.2020.12.01.013>
- Cabreros, B. S. (2023). 21st Century Instructional Leadership and Strategic Management of Technical Vocational Education and Training Programs. *Journal of Technical Educationand Training*, 15(2), 33–49. <https://doi.org/10.30880/jtet.2023.15.02.004>

- Dashper, K., & Fletcher, T. (2019). 'Don't call me an academic': Professional identity and struggles for legitimacy within the vocational field of events management higher education. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*, 25(January), 100201. <https://doi.org/10.1016/j.jhlste.2019.100201>
- Diah, M. M., Baharuddin, S., & Hussin, M. (2021). Strategi Pengurusan dan Penyelesaian Konflik antara Pensyarah dan Pengurusan di Kolej Vokasional Negeri Sembilan. *International Conference on Business ... , March.* <https://www.icbe.my/wp-content/uploads/2021/04/milawati-mohd-diah-11-1.pdf>
- Francisco, C. (2019). School Principals Transformational Leadership Styles and Their Effects on Teachers Self-Efficacy. *International Journal of Advanced Research*, 7(10), 622–635. <https://doi.org/10.21474/ijar01/9875>
- Thomson, J. (2022, September 8). Massive, strange white structures appear on Utah's Great Salt Lake. *Newsweek*. <https://www.newsweek.com/mysterious-mounds-great-salt-lake-utah-explained-mirabilite-1741151>
- Francisco, C. D., & Nuqui, A. . (2020). Emergence of a Situational Leadership during COVID-19 Pandemic called New Normal Leadership. *International Journal of Academic Multidisciplinary Research (IJAMR)*, 4(10), 15–19. [www.ijeais.org/ijamr](http://www.ijeais.org/ijamr)
- Gamble, J., & Hewlett, L. (2022). In search of teacher professionalism: TVET teachers' "dual narrative" of professionalism. *Journal of Education (South Africa)*, 89, 122–145. <https://doi.org/10.17159/2520-9868/i89a07>
- Gore, J., Lloyd, A., Smith, M., Bowe, J., Ellis, H., & Lubans, D. (2017). Effects of professional development on the quality of teaching: Results from a randomised controlled trial of Quality Teaching Rounds. *Teaching and Teacher Education*, 68, 99–113. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.08.007>
- Han, X., Zhou, Q., Li, M., Yuping, ., & Editors, W. (2023). *Handbook of Technical and Vocational Teacher Professional Development in the Digital Age SpringerBriefs in Education*.
- Ichwanto, M. A., Basith, A., & Syahputra, A. (2020). *Implementation of Strategic Management in Improving Professionalism of Vocational High School Teachers in East Java - Indonesia*. 491(Ijcah), 34–39. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.201201.006>
- Irnavati, W., Komariah, A., Yuliawati, N., & ... (2023). Strategic Performance DevelopmentManagement To Boost Private University Lecturer Productivity. *Journal of Namibian ...*, 34, 3659–3676. <https://www.namibianstudies.com/index.php/JNS/article/view/1899%0Ahttps://www.namibia-n-studies.com/index.php/JNS/article/download/1899/1326>
- Ismail, K., Omar, M. K., & Abdullah, A. (2019). Professional Management Competency for TVET Teachers in Engineering Faculty at Vocational College. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v8-i4/6433>
- Izzati, U. A., Mulyana, O. P., Budiani, M. S., Puspitadewi, N. W. S., Salsabila, M., & Muljo, C. R. (2023). Job Satisfaction among Vocational High School Teachers by Demographics Factors In Educational Institutions. *IJORER : International Journal of Recent Educational Research*, 4(6), 931–943. <https://doi.org/10.46245/ijorer.v4i6.418>
- Joo, L. (2018). Vol. 2: The Excellence of Technical Vocational Education and Training (TVET)Institutions in Korea: Case Study on Busan National Mechanical Technical High School. *International Education Studies*, 11(11), 69. <https://doi.org/10.5539/ies.v11n11p69>
- Karemu, G. K., & George, G. E. (2014). *An Evaluation of Strategy Implementation on Organizational Performance : Case of Public Technical, Vocational, Education Training ( TVET ) Institutions In Kiambu County , Kenya*. 4(1), 35–50.
- Keshmiri, F., Jambarsang, S., & Mehrparvar, A. H. (2023). Effective components of teachers' professionalism in viewpoints of various stakeholders. *Journal of Education and Health Promotion*, 12(24). [https://doi.org/https://doi.org/10.4103/jehp.jehp\\_1565\\_21](https://doi.org/https://doi.org/10.4103/jehp.jehp_1565_21)
- Khoabane, M. P., & Plessis, L. M. (2023). *The Importance of Strategic Management Resources for Successful Technical and Vocational Education and Training Governance in Lesotho*. 31(4), 44–70.
- Li, D. (2019). *Analysis on Strategic Management in Higher Vocational College*. 80(Bems), 626–629. <https://doi.org/10.2991/bems-19.2019.110>
- Mahmud Hasan, K. M. (2023). *TVET Institutional Management: Enhancing Effectiveness and Efficiency*. <https://oercommons.org/courseware/lesson/110986/student/?section=4>
- Majumdar, S., & Araiztegui, I. (2020). Technical Vocational Education & Training - reflectionsin the issues facing TVET and its potential in the time of COVID-19. *Scholarly Technical Education Publication Series (STEPS)*, 4. <https://www.cpsctech.org/2020/09/technical-vocational-education-training.html>
- Makole, K. R., Ntshangase, B. A., & Msosa, S. K. (2023). Organizational culture and management practices at technical vocational education and training colleges. *InternationalJournal of Evaluation and Research in Education*, 12(4), 2021–2036. <https://doi.org/10.11591/ijere.v12i4.25340>
- Motaung, M. R. (2020). *Improving The Management Of The Professional Development Of Lecturers At A Selected Technical And Vocational Education And Training (TVET) College*.

- Ndzoyiya, L. C. (2019). *Analysis and evaluation of strategic planning and implementation at TVET colleges: a case study of Lovedale College. April.* [https://openscholar.dut.ac.za/handle/10321/3265%0Ahttps://openscholar.dut.ac.za/bitstream/10321/3265/1/NDZOYIYALC\\_2019.pdf](https://openscholar.dut.ac.za/handle/10321/3265%0Ahttps://openscholar.dut.ac.za/bitstream/10321/3265/1/NDZOYIYALC_2019.pdf)
- Rohman, A., Ulfatin, N., Arifin, I., Imron, A., & Salim, N. A. (2023). Lecturer Professionalism Development Program Strategy. *Journal of Law and Sustainable Development*, 11(7), 1–21. <https://doi.org/10.55908/sdgs.v11i7.1017>
- Rosly, R. N. R., Hussin, H., Sidek, S., & Jiea, P. Y. (2019). Malaysian TVET lecturer and industrial training through national occupational standard skills. *Humanities and Social Sciences Reviews*, 7(2), 212–219. <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7223>
- Subban, M., Nundkumar, A., & Subban, M. (2020). Risk Management: a Strategic Approach ToEnhance Tvet College Management. *International Journal of Business and Management Studies*, 12(2), 2020. <https://orcid.org/0000-0001-8720-4951>
- Sulaiman, J., Nur Yunus, F. A., & Wan Ahman, W. M. R. (2019). Professionalism of TechnicalTeacher in Vocational Education: Professional Knowledge That Contribute To A Teacher'sEffectiveness. *Online Journal for Tvet Practitioners*, 4(2), 42–48. <https://doi.org/10.30880/ojtp.2019.04.02.005>
- UNESCO. (2021). Sub-Education Policy Review Report : Technical Vocational and EducationTraining(TVET). *Unesco*, 1–74. [https://en.unesco.org/sites/default/files/tvet\\_final\\_-january\\_2021.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/tvet_final_-january_2021.pdf)
- Van der Bijl, A., & Oosthuizen, L. J. (2019). Deficiencies in technical and vocational education and training lecturer involvement qualifications and its implications in the development of work related skills. *South African Journal of Higher Education*, 33(3). <https://doi.org/10.20853/33-3-2886>
- Varma, C., & Malik, S. (2023). *A Focus on Innovative Teaching and Competency Indicators*. <https://doi.org/doi: 10.5772/intechopen.112516>